

## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Read this product Disclosure Sheet before you decide to sign up the **KFH LIBSHARA ACCOUNT-i**. Be sure you also read the general terms and conditions)

Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad

**KFH LIBSHARA ACCOUNT-i**

Date: 01 AUGUST 2021

### 1. What is the nature of this product?

KFH Libshara Account-i (“KFH Libshara”) is a savings account based on the Shariah concept of Murabahah (cost plus profit sale) and Tawarruq where the profit rate and profit amount is made to known to customer upfront. As such the deposit is principally guaranteed as well as its profit. Customers also have the opportunity to participate and win attractive prizes via draws that are held on a monthly, quarterly as well as the grand draw basis based on the Draw Schedule which will be determined from time to time.

### 2. Is the product covered by Malaysian Deposit Insurance Corporation (PIDM)?

Yes, this product is protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor.

### 3. What is the applicable Shariah concept?

The Shariah concept used are Murabahah (cost plus profit sale) and Tawarruq whereby a specific asset will be identified and used as an underlying asset for the sale and purchase transactions between Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (“KFH Malaysia”) and the Customer. Under this contract, Customer authorises KFH Malaysia to enter into a transaction on the Customer’s behalf based on the agreed terms and conditions. KFH Malaysia as an agent will purchase the commodity from broker at spot value. KFH Malaysia will then offer to the customer to buy the commodity at cost plus profit where the principal will be paid immediately and the profit will be paid on the monthly basis. KFH Malaysia will then sell the commodity to another broker for settlement at spot value.

### 4. What are the features of this product?

- Initial deposit amount: **RM100.00 \***
- Participation in monthly, quarterly and grand draws are done throughout the year.
- Principal and profit guaranteed.
- Profit for this product is payable on a monthly basis.\*\*

\* KFH Malaysia reserves the right to revise the amount from time to time.

\*\* In the event of the KFH Libshara is closed for any reason whatsoever before the Profit Payment Date, Customer agrees to waive any profit due from the date of the first trade transaction in the month and therefore no profit will be paid to the KFH Libshara. Profit rate shall be determined by KFH Malaysia from time to time.

### 5. What are the other key terms and conditions of this product that I should know?

#### 1. Commodity Trading

The Customer(s) shall enter into purchase and sale transactions for Shariah compliant Commodities for the end-day closing balance (“Closing Balance”) as follows: -

- i. Commodity Trading will be transacted on daily basis on the next calendar day (“T+1”) based on customer’s yesterday Closing Balance at a specified cut-off time determined by KFH Malaysia;
- ii. As a general rule, the Commodity Trading shall be performed for the Closing Balance on T+1 and any subsequent Closing Balance.

For the purpose of Commodity Trading, KFH Malaysia will act on behalf of the Customer(s) as its agent for the purchase and sale of the commodity. The appointment as Agent will take effect upon Customer(s) signing an Agency Letter or any other means at the time of account opening.

KFH Malaysia hereby promise to purchase the Commodity from the Customer(s) upon constructive possession of Commodity through its Agent as proven by e-cert (or any other evidence of ownership) from the commodity platform at an agreed Selling Price (cost plus mark-up) determined upon placement of deposit. The formula to derive Selling Price as follow:

On Day 1, profit and Selling Price will be computed as follows:

- Profit Day 1 =  $\frac{\text{End-Day Balance} \times \text{Profit Rate}}{365}$
- Selling Price on Day 1 = Closing Balance + Profit for Day 1
- The total profit amounts will be paid on monthly basis.

**Example:**

Open & Deposit of RM10,000.00 : 25/06/2021

1st Trading Date : 26/06/2021

Profit Rate : 0.20% p.a. (for illustration purposes only)

Trading Date	End-Day Balance* (RM)	Profit Calculation (RM)	Daily Profit Accrued (RM)
26/06/21	10,000	10,000 x 0.20% / 365	0.05
27/06/21	65,000	65,000 x 0.20% / 365	0.36
28/06/21	30,000	30,000 x 0.20% / 365	0.16
29/06/21	80,000	80,000 x 0.20% / 365	0.44
30/06/21	50,000	50,000 x 0.20% / 365	0.27
<b>Total Profit Payable (will be credited by end of the month)</b>			<b>1.28</b>
<b>Selling price as at 31/06/21</b>			<b>20,001.28</b>

*\*End-Day Balance is an available balance as at 11.59 p.m. prior to Trading Date*

A statement of account will be issued once a month or at such period as determined by the KFH Malaysia. The total profit amount based on the daily trading for the month will be credited on a monthly basis and will be stated in the Customer’s statement of account under item “PROFIT DISTRIBUTION”.

**2. Draw Eligibility and Details**

- The Customer needs to maintain a minimum Average Available Balance (“AAB”) of RM100 for a specified period of time as published at KFH Malaysia corporate website to be eligible for the monthly draw. For every RM100, the Customer will get 1 draw entry in the monthly draw.
- The Customer needs to maintain a minimum AAB of RM1,000 for a specified period of time as published at KFH Malaysia corporate website, in order to be eligible for the quarterly and grand draw. For every RM1,000, the Customer will get 1 draw entry in the quarterly and/or grand draws.
- Draw dates will be published at KFH Malaysia’s corporate website kfh.com.my. However, KFH Malaysia may review the dates or frequency of the prize draw from time to time at its discretion.
- The respective draws will be carried out in the presence of KFH Malaysia’s selection committee. Short-listed winners will need to answer one (1) challenge question before being declared as a prize winner.
- Winners listing will be posted at kfh.com.my or any other methods deemed suitable or practical by KFH Malaysia within 14 working days from the respective draw dates.
- Cash prizes will be credited into the winner’s account within 14 working days from the winner’s announcement date.
- For full draw details, kindly refer to the KFH Draw Terms and Conditions.

## 6. What are the fees and charges I have to pay?

Annual Fees of KFH Debit Card-i:	RM12.00 per card
Replacement of KFH Debit Card-i:	RM15.00 per card
Closure of Account:	RM20.00 if close within 3 months of account opening.

## 7. What are the risks involved?

You are advised to carefully consider all risk factors before making deposit decision. There is no risk involved in this product if no closure of account within 3 months after account opening.

## 8. What should I do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact information to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

## 9. Where can I get further information?

Should you require any additional information about **KFH LIBSHARA ACCOUNT-i**, please refer to the product brochure available at all our branches or visit our website at [www.kfh.com.my](http://www.kfh.com.my).

If you have any enquiry regarding our products and services, please contact us at:

**Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad**

Level 24, Menara Prestige

No 1, Jalan Pinang

50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

**General Line** : +603 2168 0000

**General Fax** : +603 2168 0001

**Contact Centre**: 1300 888 KFH (534)

## 10. Other savings accounts available

- i. KFH Basic Savings Account-i
- ii. KFH Savings Account-i
- iii. KFH SURE Savings Account-i

The information provided in this product disclosure sheet is valid as at 01/08/2021.

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Bahagian Pendekatan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai **KFH AKAUN LIBSHARA-i**. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am produk ini).

Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad

**KFH AKAUN LIBSHARA-i**

Tarikh: 01 OGOS 2021

### 1. Apakah sifat produk ini?

KFH Akaun Libshara-i adalah akaun simpanan, berlandaskan konsep Syariah Murabahah (kos campur keuntungan jualan) dan Tawarruq di mana kadar keuntungan dan jumlah keuntungan diisytiharkan terlebih dahulu kepada Pelanggan. Oleh itu, amaun prinsipal dan keuntungan yang dideposit adalah dilindungi. Pelanggan juga mempunyai peluang untuk menyertai dan memenangi hadiah-hadiah menarik melalui cabutan yang diadakan setiap bulan, suku tahun dan cabutan utama yang akan ditetapkan dari masa ke semasa.

### 2. Adakah produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insuran Deposit Malaysia (PIDM)?

Ya, produk ini dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

### 3. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan adalah Murabahah (kos campur keuntungan jualan), di mana aset tertentu akan dikenal pasti dan digunakan sebagai aset transaksi bagi penjualan dan pembelian antara Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad ("KFH Malaysia") dan Pelanggan. Di bawah kontrak ini, Pelanggan melantik KFH Malaysia untuk memasuki urusan niaga bagi pihak Pelanggan berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui. KFH Malaysia sebagai agen akan membeli komoditi tersebut daripada broker pada nilai lain. KFH Malaysia kemudiannya akan menawarkan kepada Pelanggan untuk membeli komoditi pada harga kos campur keuntungan, di mana jumlah prinsipal akan dibayar serta-merta dan keuntungan akan dibayar secara bulanan. KFH Malaysia kemudiannya akan menjual komoditi itu kepada broker lain pada nilai lain bagi tujuan penyelesaian.

### 4. Apakah ciri-ciri yang ada pada produk ini?

- Amaun deposit permulaan: RM100.00\*
- Penyertaan dalam cabutan bulanan, suku tahunan, cabutan khas dan cabutan utama yang berlangsung sepanjang tahun.
- Prinsipal dan keuntungan dijamin.
- Keuntungan bagi produk ini akan dibayar pada setiap bulan\*\*

\* KFH Malaysia berhak untuk meminda amaun deposit permulaan dari semasa ke semasa

\*\* Sekiranya Akaun Libshara ditutup atas apa jua sebab sebelum Tarikh Pembayaran Keuntungan, Pelanggan bersetuju untuk menyetepikan apa-apa keuntungan yang kena dibayar dari tarikh urusan niaga perdagangan yang pertama dalam bulan tersebut dan oleh itu, tiada keuntungan akan dibayar kepada Akaun Libshara tersebut. Kadar keuntungan adalah sebagaimana yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.

## 5. Apakah kunci terma-terma dan syarat-syarat lain yang saya harus tahu mengenai produk ini?

### 1. Dagangan Komoditi

Pelanggan hendaklah melaksanakan transaksi jual beli komoditi yang patuh Syariah untuk baki sedia ada pada akhir hari (“Baki Penutup”) seperti berikut:-

- Transaksi jual beli akan dilakukan setiap hari pada hari berikut (“T+1”) berdasarkan Baki Penutup pada waktu penutupan yang ditentukan oleh KFH Malaysia; dan
- Secara umum, dagangan komoditi akan dilakukan pada Baki Penutup mengikut T+1 dan sebarang Baki Penutup berikutnya pada penghujung hari.

Bagi tujuan Dagangan Komoditi, KFH Malaysia akan bertindak bagi pihak Pelanggan sebagai ejennya bagi pembelian dan penjualan komoditi tersebut. Pelantikan sebagai Agen akan berkuatkuasa apabila Pelanggan menandatangani Surat Agensi atau apa-apa cara lain pada masa pembukaan akaun.

Pihak Bank dengan ini berjanji untuk membeli Komoditi daripada pelanggan selepas pemilikan konstruktif Komoditi melalui Ejennya sebagaimana dibuktikan melalui e-sijil (atau mana-mana bukti pemilikan lain) daripada platform komoditi pada Harga Jualan yang dipersetujui (Harga Belian dan Keuntungan) ditentukan selepas perletakan deposit. Formula untuk mendapatkan Harga Jualan adalah seperti berikut:

- Keuntungan Hari Pertama =  $\frac{\text{Baki Penutup} \times \text{Kadar Keuntungan}}{365}$**
- Harga Jualan Sehari = *Baki Penutup + Keuntungan Hari Pertama*
- Jumlah keseluruhan keuntungan akan dibayar secara bulanan

#### Contoh:

Pembukaan Akaun dan Deposit RM10,000.00 : 25/06/2021

Tarikh Dagangan Pertama : 26/06/2021

Kadar keuntungan : 0.20% setahun (Untuk tujuan ilustrasi sahaja)

Tarikh Dagangan	Baki Penutup* (RM)	Pengiraan Keuntungan (RM)	Keuntungan Harian Terakru (RM)
26/06/21	10,000	$10,000 \times 0.20\% / 365$	0.05
27/06/21	65,000	$65,000 \times 0.20\% / 365$	0.36
28/06/21	30,000	$30,000 \times 0.20\% / 365$	0.16
29/06/21	80,000	$80,000 \times 0.20\% / 365$	0.44
30/06/21	50,000	$50,000 \times 0.20\% / 365$	0.27
<b>Jumlah Keuntungan (akan dikreditkan pada hujung bulan)</b>			<b>1.28</b>
<b>Harga Jualan pada 31/06/21</b>			<b>20,001.28</b>

\*Baki Penutup adalah baki sedia ada pada 11.59 malam sehari sebelum Tarikh Dagangan.

Penyata akaun akan dikeluarkan sebulan sekali atau pada tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh KFH Malaysia. Penyata akaun Pelanggan akan menunjukkan jumlah keuntungan keseluruhan berdasarkan kepada transaksi harian untuk bulan tersebut yang akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan di bawah perkara “PROFIT DISTRIBUTION”.

### 2. Syarat Kelayakan dan Butiran Cabutan

- Pelanggan perlu mengekalkan purata baki minimum (“PBM”) sebanyak RM100 untuk tempoh masa yang dinyatakan di laman sesawang KFH Malaysia untuk berpeluang layak untuk cabutan bulanan dan cabutan khas. Bagi setiap RM100 PBM, Pelanggan layak mendapat 1 cabutan dalam cabutan bulanan.
- Pelanggan perlu mengekalkan PBM sebanyak RM1,000 untuk tempoh masa yang dinyatakan di laman sesawang KFH Malaysia untuk berpeluang layak untuk cabutan suku tahunan dan cabutan utama. Bagi setiap RM1,000 PBM, Pelanggan layak mendapat 1 cabutan dalam cabutan suku tahunan dan cabutan utama.

- iii. Tarikh cabutan akan diterbitkan di laman sesawang KFH Malaysia dari semasa ke semasa ("Tarikh Cabutan"). Walau bagaimanapun KFH Malaysia boleh menyemak semula kekerapan cabutan hadiah di atas budi bicaranya.
- iv. Cabutan-cabutan tersebut akan dijalankan dihadapan komitee pemilihan KFH Malaysia. Pelanggan yang telah disenarai pendek harus menjawab satu soalan sebelum diisytiharkan sebagai pemenang.
- v. Senarai pemenang akan dipaparkan di [kfh.com.my](http://kfh.com.my) atau apa cara lain yang dianggap sesuai atau praktikal oleh KFH Malaysia dalam tempoh masa 14 hari bekerja dari tarikh cabutan.
- vi. Hadiah wang akan dikreditkan ke dalam akaun pemenang dalam tempoh masa 14 hari bekerja dari tarikh pengisytiharan pemenang.
- vii. Sila rujuk Terma dan Syarat Cabutan Libshara untuk butiran lengkap berkenaan cabutan

## 6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Caj Tahunan KFH Kad Debit-i:	RM12.00 untuk satu kad
Penggantian KFH Kad Debit-i:	RM15.00 untuk satu kad
Penutupan Akaun:	RM20.00 jika akaun ditutup dalam tempoh 3 bulan dari pembukaan akaun

## 7. Apakah risiko yang terlibat?

Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko sebelum membuat keputusan deposit. Tidak ada risiko yang terlibat dalam produk ini jika tiada pengeluaran awal dalam tempoh 3 bulan dari pembukaan akaun.

## 8. Apakah yang harus dibuat sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan anda, adalah penting untuk memberitahu kami bagi memastikan sebarang surat-menyurat akan sampai tepat pada masanya.

## 9. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat selanjutnya?

Jikalau anda ingin mendapat maklumat yang lebih lanjut berkenaan dengan produk **KFH AKAUN LIBSHARA-i**, anda boleh merujuk kepada risalah produk yang terdapat di semua cawangan KFH Malaysia atau melayari laman web kami di [www.kfh.com.my](http://www.kfh.com.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan, sila hubungi kami di:

**Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad**  
 Level 24, Menara Prestige  
 No. 1, Jalan Pinang  
 50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

Talian Am : +603 2168 0000

Talian Faks Am: +603 2168 0001

Talian Perkhidmatan : 1300 888 KFH (534)

## 10. Akaun-akaun simpanan yang lain

- i. KFH Akaun Simpanan Asas-i
- ii. KFH Akaun Simpanan-i
- iii. KFH Akaun SURE Simpanan-i

Maklumat yang diberikan di lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah pada 01/08/2021.